

KAJIAN TERHADAP PERBEZAAN PENCAPAIAN SPM PELAJAR LELAKI DENGAN PELAJAR PEREMPUAN DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA.

Nik Syuharul Apizo B. Safien, Salleh B. Amat
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat perbezaan pencapaian Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di Maktab Rendah Sains MARA Terendak Melaka dan meninjau sejauh mana faktor – faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Kajian ini dijalankan terhadap 138 orang pelajar yang telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2013 yang terdiri daripada 66 orang pelajar lelaki dan 72 orang pelajar perempuan. Reka bentuk penyelidikan berbentuk kualitatif dijalankan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran dari perspektif yang tidak dapat diukur secara kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan responden memberi maklum balas positif terhadap persoalan berkaitan faktor – faktor yang mempengaruhi tahap pendidikan terhadap pelajar lelaki dan perempuan di MRSM Terendak Melaka. Dalam kajian ini terdapat beberapa faktor yang mempengaruhinya iaitu teknik pengajaran guru, sokongan dan galakkan ibu bapa, hasrat dan semangat pelajar, kerjasama masyarakat setempat, faktor kemiskinan keluarga dan masalah keluarga. Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai. Pertama, menganalisis hubungan antara pencapaian akademik di kalangan pelajar SPM 2013 MRSM Terendak, Melaka mengikut jantina. Kedua, Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik antara pelajar lelaki dengan perempuan. Ketiga, Mendapatkan pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan dasar pendidikan supaya tidak terdapat perbezaan jurang yang ketara dari segi pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan. Untuk mencapai objektif – objektif tersebut, pelbagai usaha serta program pendidikan dijalankan bagi memastikan matlamat sebenarnya tercapai.

1.1 PENGENALAN

UNIMED

THE
Character Building
UNIVERSITY

Semenjak mencapai kemerdekaan, negara kita telah mengalami suatu perubahan yang pesat dalam sistem pendidikan. Dalam era globalisasi yang mencabar pada masa kini, negara kita memandang berat terhadap bidang pendidikan kerana ia memainkan peranan yang penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi.

Dalam era pendidikan masa kini di Malaysia, pencapaian akademik yang cemerlang merupakan sasaran utama setiap pelajar dan juga institusi pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih positif dan memberi perhatian yang lebih serius kepada kerja-kerja sekolah berbanding lelaki (Dwyer,1974; Fennema,1987; Halpern,1992).

Bedasarkan kenyataan di atas, kajian ingin melihat perbezaan jantina melalui pencapaian akademik pelajar SPM 2013. Data sekunder digunakan iaitu merujuk laporan pencapaian SPM tahun 2013 pelajar MRSM Terendak, Melaka. Melalui laporan ini akan dapat melihat perbezaan pencapaian SPM 2013 antara pelajar lelaki dan perempuan MRSM Terendak, Melaka mengikut subjek.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Tinjauan oleh Sutherland (dalam Tinklin, Coxford, Frame and Ducklin, 2000) menyatakan bahawa prestasi pelajar perempuan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki adalah suatu fenomena yang menyeluruh dan berlaku di banyak negara di dunia seperti Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand.

Keadaan ini turut berlaku di Malaysia iaitu data dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) mengenai keputusan peperiksaan awam dari tahun 1996-1999 menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki di dalam peperiksaan seperti UPSR, PMR dan SPM terutamanya dalam subjek Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik. Atas faktor inilah juga menunjukkan jumlah kemasukan pelajar perempuan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) jauh berbeza dengan kemasukan pelajar lelaki.

Menurut McKenna (1997), menyatakan bahawa golongan perempuan mempunyai minat membaca yang lebih baik berbanding lelaki. Maka dengan ini, kajian ini dijalankan untuk menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam system pendidikan negara supaya tindakan dapat diambil bagi menyelesaikan isu ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian secara umumnya adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik antara pelajar mengikut jantina. Objektif secara khususnya adalah bertujuan untuk :

- i. Menganalisis pencapaian akademik di kalangan pelajar SPM 2013 MRSM Terendak, Melaka mengikut jantina
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik antara pelajar lelaki dan perempuan yang menduduki SPM 2013 MRSM Terendak, Melaka
- iii. Mendapatkan pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan dasar pendidikan supaya tidak terdapat perbezaan jurang yang ketara dari segi pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini didapati penting untuk membantu dalam proses mengumpul serta mendapatkan maklumat sebanyak mungkin mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan pencapaian akademik melalui peperiksaan SPM 2013 di kalangan pelajar lelaki dan perempuan MRSM Terendak, Melaka. Faktor-faktor ini akan diperolehi melalui maklumat dari guru-guru institusi pendidikan tersebut.

Selain itu, kajian ini dapat membantu dalam mendapatkan cadangan serta pandangan dari guru sekolah berkenaan ke arah penambahbaikan sistem pengajaran dan pembelajaran supaya tidak wujud jurang perbezaan yang ketara antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mendapatkan pendidikan di sekolah.

1.5 PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, pengkaji mendapati kebanyakan pelajar perempuan lebih dominan daripada pelajar lelaki dalam pencapaian SPM. Ini menyebabkan kemasukan pelajar ke Institusi

Pengajian Tinggi lebih ramai pelajar perempuan berbanding lelaki. Tidak ada perbezaan yang begitu ketara antara mereka. Pengkaji merasakan proses pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan mesti mengikut kebolehan dan minat pelajar tanpa memberikan mereka tekanan melampau. Perbezaan pencapaian ini boleh di atasi jika semua pihak mengembleng tenaga dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir dalam pelajaran. Peranan ibu bapa dan pelajar itu sendiri amat penting bagi memastikan mereka mempunyai motivasi yang tinggi bagi meningkatkan mutu pelajaran anak-anak mereka pada masa depan.

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penyelidik membuat sorotan kajian penulisan yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang mempengaruhi tahap pendidikan pelajar lelaki dan pelajar perempuan di MRSM Terendak Melaka. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk dibincangkan adalah mengikut faktor-faktor yang dikaji. Perihal yang dibincangkan turut disokong oleh pendapat, pandangan serta teori – teori daripada tokoh-tokoh. Model yang sesuai digunakan bagi membantu kajian ini dan seterusnya menjadi panduan untuk membina kerangka ujian.

2.2 ANALISIS PRESTASI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN DI MRSM TERENDAK MELAKA

Keputusan prestasi peperiksaan pelajar SPM MRSM Terendak boleh dikatakan cemerlang pada tahun 2013 yang lalu. Dari pemerhatian analisis ini, pengkaji mendapati pelajar lelaki mengatasi pelajar perempuan untuk mengutip skor GPP yang tertinggi iaitu sebanyak 5.78% berbanding dengan pelajar perempuan yang mendapat GPP tertinggi hanya sebanyak 4.78%. Perbezaan sebanyak 1%. Kalau dilihat daripada perbezaan tersebut menunjukkan pelajar lelaki yang agak pandai akan terus berada di kelompok hadapan. pelajar lelaki juga menduduki tempat yang paling bawah dengan PGG 0.60. perbezaan sebanyak 0.1% dengan pelajar perempuan yang mendapat GPP terendah iaitu 0.70%. Bagi pelajar perempuan biasanya mereka akan stabil dan sekata dari sudut semua mata pelajaran yang diambil tidak banyak perbezaan markah setiap mata pelajaran.

Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu semua calon SPM di MRSM Terendak Melaka, semua calon mendapat keputusan A. sebanyak 60.87% mendapat A+ yang mana ia dimonopoli oleh pelajar lelaki . Berbanding 33.3% yang hanya mendapat A dan sebanyak 5.80% mendapat A-.

Untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris peratusan markah tertinggi adalah dari B+ sebanyak 26.09%. Pengkaji mendapati keputusan antara pelajar lelaki dan perempuan adalah seimbang. Bagi gred A dan A- yang berkongsi peratus sebanyak 20.29%. Diikuti gred B 18.12%. manakala bagi gred C+ mendapat 9.42% dan gred A+ sebanyak 4.35% dan yang terakhir iaitu gred C mewakili 1.45%, yang mana peratus terendah ini mewakili pelajar lelaki.

Seterusnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, peratus tertinggi datang daripada gred A iaitu 51.45%. Untuk mata pelajaran ini, pengkaji melihat terdapat keseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan yang mana jumlah mereka hampir sama yang mendapat gred A. Sebanyak 26.28% yang mendapat gred A+ yang juga seimbang antara lelaki dan perempuan. 17.52% mewakili gred A- dan 3.52% mewakili B+ dan 0.73% bagi gred B.

Sejarah dikatakan mata pelajaran yang kurang mendapat sambutan kerana ia merupakan kisah masa lalu dan berbentuk fakta. Jika dilihat peratus yang tertinggi datang daripada gred A sebanyak 52.17% diikuti dengan 31.16% bagi gred A+, seterusnya 10.87% bagi gred A- , 2.90% bagi gred B+ dan hanya 2.17% mewakili gred B. jelas menunjukkan bahawa sejarah bukanlah matapelajaran yang membosankan kalau dilihat peratusan dari MRSM Terendak Melaka ini. Pelajar lelaki dan perempuan dari sekolah ini tidak kurang hebatnya kerana mereka mendapat peratus yang hampir sama tidak terlalu kurang dan tidak terlalu tinggi.

Jika dilihat peratusan dari mata pelajaran Matematik pula, sebanyak 43.48% datang daripada gred A yang dikuasai oleh pelajar lelaki. Manakala 30.43% mewakili gred A+, selebihnya 11.59% bagi gred A- , seterusnya 7.97% bagi gred B+, sebanyak 5.07% bagi C+ dan 0.72% yang berkongsi pada gred B dan D.

Seterusnya, untuk mata pelajaran Matematik Tambahan 15.22% mewakili A- yang didominasi oleh pelajar perempuan. 14.49% berkongsi tempat bagi gred B dan C+, seterusnya 13.77% bagi gred C,

manakala bagi gred D sebanyak 11.59%, selebihnya, 7.25% untuk gred A+, bagi 6.52% mewakili gred E dan 2.90% pelajar mendapat gred G.

Dalam mata pelajaran Fizik, peratus yang tinggi mewakili gred B iaitu 28.99% yang mana pelajar perempuan lebih menguasai peratus gred ini. Sebanyak 22.46% mewakili gred C+, seterusnya, 21.01% bagi B+, bagi gred C sebanyak 10.87%. Manakala, 5.07% mewakili D, berkongsi peratus 1.45% badi gred A+ dan A, dan yang terendah iaitu 0.72% bagi gred E juga mewakili pelajar lelaki.

Untuk mata pelajaran seterusnya iaitu Kimia, 21.01% datang daripada gred C+. pada gred ini pelajar teramai datang daripada pelajar perempuan. Seterusnya 18.84% hadir pada gred B+, manakala 15.94% gred D, selainnya, 13.77% daripada gred A-, bagi peratus 12.32% adalah daripada gred C, bagi peratus 10.14 bagi gred B, bagi gred E sebanyak 6.52%. Dan berkongsi lagi peratus sebanyak 0.72% bagi gred A+ dan A. Kumpulan ini diwakili oleh pelajar lelaki yang ramai mendapat A berbanding pelajar perempuan.

Untuk mata pelajaran yang terakhir iaitu Biologi, yang mendapat peratus tinggi adalah bagi gred B iaitu 23.68%. Dominasi ini adalah kepada pelajar perempuan, manakala 20.18% daripada gred B+, bagi 19.30% bagi gred C+, seterusnya 18.42% daripada gred A-, sebanyak 7.89% bagi gred C, bagi 5.26% mewakili gred D, seterusnya, 2.90% dari gred A, selebihnya 1.75% daripada gred E, yang mewakili pelajar lelaki.


Daripada analisa di atas, pengkaji mendapati pelajar lelaki lebih cemerlang berbanding pelajar perempuan, akan tetapi pelajar yang paling kurang cemerlang juga adalah dari golongan lelaki. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih stabil dan sekata dalam mata pelajaran yang di ambil tidak terlalu tinggi, dan tidak terlalu rendah. Kedudukan pelajar perempuan adalah seimbang berbanding pelajar lelaki kerana ada di antara mereka mendapa peratus paling rendah pada setiap mata pelajaran.

**RAJAH & JADUAL
(DATA SEBENAR)**

| GPP | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|----------|--------|-----------|--------|
| 0 - 0.99 | 6 | 2 | 8 |
| 1 - 1.99 | 15 | 19 | 34 |
| 2 - 2.99 | 24 | 30 | 54 |
| 3 - 3.99 | 13 | 15 | 28 |
| 4 - 4.99 | 6 | 6 | 12 |
| 5 - 5.99 | 2 | 0 | 2 |
| JUMLAH | 66 | 72 | 138 |

Jadual 1 : Gred Purata Pelajar Mengikut Jantina






Rajah 1 : Gred Purata Pelajar Mengikut Jantina

| BIL A | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|--------|--------|-----------|--------|
| 10A | 2 | 1 | 3 |
| 9A | 4 | 1 | 5 |
| 8A | 3 | 4 | 7 |
| 7A | 4 | 3 | 7 |
| 6A | 11 | 17 | 28 |
| 5A | 12 | 17 | 29 |
| 4A | 20 | 21 | 41 |
| 3A | 7 | 7 | 14 |
| 2A | 3 | 1 | 4 |
| JUMLAH | 66 | 72 | 138 |

Jadual 2 : Kedudukan Pelajar Lelaki dan Perempuan Mengikut Bilangan A





Rajah 2 : Kedudukan Pelajar Lelaki dan Perempuan Mengikut Bilangan A

METODOLOGIKAJIAN

Penyelidikan berbentuk kualitatif dijalankan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran dari perspektif yang tidak dapat diukur secara kuantitatif. Kajian ini cuba mendapatkan makna kepada sesuatu fenomena yang berlaku iaitu untuk mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian serta cadangan ke arah penambahbaikan isu yang dikemukakan.

3.1 Persampelan

Sampel Guru-guru MRSM Terendak, Melaka yang mewakili setiap subjek SPM dijadikan sebagai responden kajian bagi mendapatkan maklumat mengenai pencapaian yang diperolehi antara pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan pandangan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan pencapaian SPM antara pelajar lelaki dan perempuan MRSM Terendak, Melaka.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk temubual digunakan dengan mengadakan temubual bersama guru-guru setiap subjek yang terdapat dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013. Kelebihan temubual ialah kaedah ini membenarkan penyelidik memberi penjelasan jika terdapat soalan yang kabur dan responden juga dapat memberi keterangan lanjut kepada soalan yang penting (Noraini Idris, 2010). Cadangan bagi tujuan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan negara supaya lebih bersifat mesra terhadap kedua-dua jantina turut disoal dalam temubual bersama-sama wakil guru setiap subjek dalam kajian yang dijalankan ini.

3.3 Protokol Temubual

Proses penyediaan protokol temubual dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu membina, mengatur dan menguji rintis soalan temubual. Membina soalan temubual melibatkan pembinaan soalan di samping mengkaji aspek-aspek dari sudut reaksi serta tindak balas responden apabila disoal serta menjangka soalan susulan yang boleh dikemukakan secara spontan ketika temubual (Noraini Idris, 2010).

Mengatur soalan temubual pula merupakan satu proses penting untuk menggalakkan respons yang lebih berkesan. Soalan yang diajukan dimulai dengan soalan yang mudah dan bergerak kepada yang lebih mencabar di samping mendalami isu-isu yang sedang dikaji secara beransur-ansur.

Dalam peringkat menguji rintis soalan temubual pula, ini merupakan langkah yang penting kerana penyelidik dapat mengenalpasti sama ada soalan yang akan ditanya merupakan soalan yang baik ataupun sebaliknya.

PROTOKOL TEMUBUAL GURU MRSM TERENDAK, MELAKA

Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini?

Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki

dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

Apakah cadangan cikgu bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

Rajah 1. Contoh protokol temubual separa berstruktur yang dijalankan

3.4 Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif adalah melalui senarai soalan temubual. Kaedah temubual yang digunakan ialah temubual separa berstruktur iaitu soalan yang diajukan akan digubal terlebih dahulu. Kaedah temubual separa berstruktur digunakan kerana ianya didapati mudah untuk mendapatkan maklumat secara terus dari sampel kajian mengenai isu yang dibangkitkan.

3.5 Hasil kajian

Pendahuluan

Seramai empat orang telah dipilih sebagai subjek kajian. Mereka terdiri daripada guru-guru di MRSM Terendak Melaka. Mereka adalah guru yang mengajar subjek sejarah dari Jabatan Sains Sosial, subjek Bahasa Melayu dari Jabatan Bahasa, Matematik Tambahan dari Jabatan Matematik dan subjek Biologi dari jabatan Sains. Mereka adalah guru-guru yang dipilih yang memenuhi kriteria sebagai subjek kajian. Semua subjek kajian diberikan kod iaitu responden 1, responden 2, responden 3, responden 4 dan responden 5. Semua subjek yang dijadikan subjek kajian ini diberikan kod untuk melindungi identiti mereka.

Di peringkat analisis data, penyelidik harus bersikap terbuka serta perlu melihat unsur-unsur yang luar biasa dalam persekitaran dan maklumat yang diperolehi. Analisis data yang digunakan adalah melalui kaedah manual. Kaedah ini melibatkan beberapa peringkat bagi tujuan analisis data iaitu peringkat pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan.

Berikut dinyatakan hasil dapatan temubual yang dijalankan ke atas 5 orang responden MRSM Terendak berhubung pendapat mereka mengenai pencapaian akademik antara pelajar lelaki dan perempuan serta faktor yang mempengaruhi pencapaian peperiksaan sekolah tersebut.

Faktor Personaliti

Berdasarkan temubual dengan responden 1, telah dikenal pasti salah satu faktor yang mempengaruhi ialah faktor personaliti pelajar, ini kerana ialah pelajar lelaki sukar untuk memberikan tumpuan semasa dalam kelas. Mereka seringkali tertidur dalam kelas berbanding pelajar perempuan yang memberikan sepenuh perhatian ketika belajar, suka bergaul dan beramah mesra dengan guru. Faktor jantina kurang mempengaruhi kerana ia adalah berdasarkan usaha mereka sendiri. Namun apabila mendapat keputusan peperiksaan dilihat pelajar lelaki lebih cemerlang daripada pelajar perempuan. Langkah yang wajar adalah mewujudkan keseimbangan antara mereka daripada segi sukatan pelajaran dan isi kandungan buku teks agar lebih dinamik dan menarik minat pelajar terutama pelajar lelaki.

RESPONDEN 1

NAMA GURU : A Subjek
: Sejarah
Jabatan : Sains Sosial

1) Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek yang cikgu ajar ini?

“..Berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang guru, beza di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek sejarah ialah **pelajar lelaki di dalam kelas sukar untuk memberikan tumpuan dan mereka seringkali tertidur dan mengelamun di dalam kelas. Pelajar perempuan sememangnya sangat fokus dan sangat memberikan kerjasama dan menunjukkan minat dalam subjek sejarah. Namun demikian setiap kali peperiksaan, keputusan pelajar lelaki lebih baik daripada pelajar perempuan.**”

2) Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

“..Pada pandangan saya, faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek saya ialah sama sahaja. Yang pertama ialah **aspek personaliti. Personaliti pelajar yang sering**

bertanya, suka bergaul dan peramah dengan guru, biasanya pelajar ini jugalah yang akan lebih cenderung untuk cemerlang berbanding dengan pelajar yang lain. Yang kedua adalah **faktor rakan sebaya**. Kawan-kawan sangat mempengaruhi seseorang pelajar itu terutama dari segi akademik di mana mereka akan belajar bersama dan berkumpul dalam mengulangkaji pelajaran, tidak kira pelajar lelaki mahupun perempuan. sekiranya mereka mendapat rakan yang tidak membantu, kebiasaannya keputusan mereka juga agak teruk dan merosot.”

3) Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

“..Pada pandangan saya berkenaan isu ini, perbezaan jantina kurang memberikan pengaruh kepada pencapaian akademik dalam diri pelajar. Ini kerana bagi saya jika seseorang itu rajin berusaha, tekun maka kejayaan pasti akan menjadi miliknya. Namun tidak dinafikan juga pelajar lelaki lebih malas berbanding pelajar perempuan yang sememangnya sangat rajin tidak kira masa dan sanggup berusaha lebih untuk mendapat keputusan peperiksaan.”

4) Apakah cadangan cikgu bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

“..Pada pendapat saya, langkah pertama ialah pentadbiran sekolah mesti memastikan bahawa berlaku keseimbangan di dalam kelas di antara bilangan pelajar lelaki dan perempuan. Ini bagi mengelakkan pelajar lelaki malu untuk belajar dan bertanya di dalam kelas di mana majoritinya didominasi pelajar perempuan. Langkah kedua pihak kerajaan mungkin boleh mengubah dan menggubal semula sukatan dan isi kandungan buku teks supaya ianya menjadi lebih menarik dan dinamik.”

Faktor Fokus Dalam Kelas

Menurut pendapat daripada responden 2, beliau mengatakan bahawa faktor dalam kelas juga boleh mempengaruhi pencapaian dalam peperiksaan seseorang pelajar itu. Ini kerana apabila mereka memberikan fokus terhadap apa yang guru ajarkan mereka lebih mudah faham dan ingat menjelang peperiksaan. Namun demikian, pelajar lelaki lebih gemar mengulangkaji pelajaran di saat-saat akhir. Bagi pelajar perempuan mereka akan cuba memberikan seratus peratus tumpuan semasa dalam kelas. Walau bagaimanapun mereka berhak mendapat keputusan yang cemerlang asalkan mereka berusaha dengan dan tidak malas. Bagi mengatasi masalah tersebut guru memainkan peranan dalam menyesuaikan kaedah belajar antara lelaki dan perempuan mengikut potensi diri pelajar tersebut.

RESPONDEN 2

NAMA GURU : B
Subjek : Bahasa Melayu
Jabatan : Bahasa

1) Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek yang cikgu ajar ini?

“..Pandangan saya berkaitan isu ini ialah perbezaan ciri pelajar perempuan yang ketara ialah mereka memberikan tumpuan dan perhatian sepenuhnya di dalam kelas dan lebih konsisten dengan subjek yang diajar oleh saya. Pelajar lelaki pula berbeza kerana mereka cenderung mengikut mood dan pada masa tertentu sahaja mereka akan fokus pada pelajaran terutama menjelang peperiksaan. walaupun bagaimanapun, pelajar lelaki akan berbeza tingkahlakunya dan akan aktif apabila aktiviti energizer dan lain-lain dilakukan semasa waktu PNP.”

2) Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

“..Pada pandangan saya, faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek saya ialah cara mereka belajar di mana apabila pelajar rajin mengulangkaji dan membuat latihan apabila diberikan, mereka akan mudah faham dan berjaya menjawab peperiksaan. Memahami sesuatu subjek adalah “*keyword*” ke arah kecemerlangan belajar manakala tumpuan di dalam kelas merupakan faktor kedua terpenting mempengaruhi pencapaian pelajar. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan dan sekiranya tiada tumpuan seratus peratus di dalam kelas, sudah pasti pelajar tidak dapat memahami apa yang cuba disampaikan oleh para guru.”

3) Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

“..Pada pandangan saya berkenaan isu ini, ada kebenarannya disitu. Segelintir pelajar boleh dilihat mempamerkan keputusan markah yang cemerlang. Pelajar perempuan sering mendapat tempat di IPTA manakala pelajar lelaki kurang cemerlang dan sangat sedikit kuantitinya di IPTA. Walaupun pelajar perempuan terkenal dengan sikap rajin dan mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam peperiksaan. Pelajar lelaki juga mampu mendapat keputusan cemerlang dengan syarat mereka mesti rajin belajar dan tidak malas di dalam kelas.”

4) Apakah cadangan cikgu bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

“..Pada pendapat saya, guru perlu menyesuaikan cara dan kaedah pengajaran dengan murid yang diajarnya. Bagi saya, pelajar perempuan lebih suka kaedah pembelajaran secara ilmiah manakala pelajar lelaki lebih suka aktiviti pengajaran melibatkan permainan dan menyeronokkan. Pelajar perempuan tekun dan sangat member tumpuan walaupun tanpa aktiviti di dalam kelas namun berbeza dengan pelajar lelaki yang hanya boleh fokus untuk seketika dan mula hilang tumpuan apabila guru hanya mengajar tanpa sebarang aktiviti menyegarkan mata dan minda mereka..Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan kaedah mengajar agar PNP menjadi lebih menarik dan berkesan.”

Faktor Kecerdasan

Mengikut pandangan yang diberikan oleh responden 3, pengkaji mendapati faktor yang dinyatakan oleh responden 3 ialah, ialah faktor kecerdasan pelajar antara pelajar lelaki ataupun perempuan. Menurutnya, pelajar lelaki lebih cekap dan pantas menangkap apa yang guru ajar. Dalam Islam pun mengatakan kaum lelaki sebenarnya lebih mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi berbanding perempuan. Mereka jarang menghafal berbanding pelajar perempuan dan rajin mengulangkaji pelajaran yang guru berikan. Walaupun tidak memberikan sepenuh perhatian semasa dalam kelas, tetapi mereka yang bijak akan cuba menerangkan kepada pelajar lain. Cadangan yang telah disarankan agar guru membuat persediaan rancangan Pengajaran dan Pembelajaran yang bersesuaian untuk lelaki dan perempuan. Guru juga memainkan peranan agar suasana pembelajaran dalam keadaan yang seronok dan menarik lebih-lebih dalam pelajar Matematik Tambahan.

RESPONDEN 3

NAMA GURU : C
Subjek : Matematik Tambahan
Jabatan : Matematik

1) Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek yang cikgu ajar ini?

“..Berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang guru, beza di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek saya ialah pelajar lelaki lebih cepat menangkap apa yang cikgu ajarkan berbanding pelajar perempuan. Bagi saya, pelajar lelaki mempunyai kecerdasan yang tinggi kerana itu mereka cepat mengingat tanpa perlu menghafal dan berusaha dengan tekun namun perempuan lambat sedikit dari segi mengingat. Oleh kerana itu, pelajar lelaki lebih malas dalam membuat latihan yang guru berikan manakala pelajar perempuan rajin dan sanggup mengulangkaji soalan yang banyak dan sama berulang kali. Pelajar lelaki juga cepat merasa berputus asa bila tidak dapat menjawab soalan yang saya berikan berbanding pelajar perempuan. Mereka akan bertanya kepada guru sehingga faham dan bertanya pada rakan yang lebih pandai. Kelebihan lelaki dapat dilihat dari segi kaedah mereka mengajar dan menerangkan kepada pelajar yang lain. Apa yang mereka ajar cepat difahami manakala apabila pelajar perempuan membuat penerangan, memerlukan sedikit pengulangan dan sukar difahami kadangkala.”

2) Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

“..Pada pandangan saya, faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek saya ialah tumpuan mereka di mana rata-rata pelajar perempuan lebih focus dalam kelas berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki kadangkala leka dan tidur dalam kelas jika mereka merasa tidak diperhatikan sehingga ditegur. Pelajar perempuan jarang mengantuk di dalam kelas walaupun waktu PNP yang lama dan pelajar kelasyang terdiri daripada pelajar yang lemah. Dari segi ketelitian, pelajar lelaki memang suka mengulangkaji di saat akhir manakala pelajar perempuan memang akan membuat ulangkaji lebih awal dan tiada masalah stress bila menjelang peperiksaan. Selain itu, pelajar lelaki lebih cenderung

membuat kes disiplin di sekolah. secara tidak langsung ini akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.”

3) Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

“..Pada pandangan saya berkenaan isu ini, saya amat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kerana ramai pelajar lelaki yang sangat lemah dalam akademik merosot dalam subjek matematik dan matematik tambahan.”. Namun mereka suka cepat menangkap formula yang guru berikan. Berbanding pelajar perempuan pula mereka lebih kerap melakukan praktis lebih-lebih dalam subjek matematik.

4) Apakah cadangan cikgu bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

“..Pada pendapat saya, guru perlu membuat PNP yang bersesuaian untuk kedua-dua jantina dan ada keseimbangan dalam aspek pengajaran guru tersebut. Guru juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana belajar yang lebih seronok, ceria dan berkesan di dalam kelas dengan mempelbagaikan aktiviti yang membantu menarik minat dan tumpuan pelajar di dalam kelas masing-masing.”

Faktor Sikap

Menurut pandangan yang diberikan oleh responden 4, beliau berpendapat bahawa faktor sikap pelajar turut memberikan impak dalam pencapaian peperiksaan. Kalau dilihat pelajar lelaki tidak serius dalam memberikan tumpuan dalam kelas berbanding pelajar perempuan. Namun yang positifnya mereka pelajar lelaki tidak malu untuk bertanya berbagai soalan dan permasalahan yang mereka kurang faham. Pelajar lelaki juga sering mengantuk kerana mereka suka tidur lewat malam, akibatnya mereka akan mengantuk sering tertidur semasa dalam kelas. Namun tidak boleh dinafikan juga bahawa apabila pelajar itu menjaga hubungan dengan pencipta iaitu mengutamakan agama, dengan bertawwal dan berusaha kepada Allah. Insya Allah, mereka akan mendapat keputusan yang amat menberansangkan berbanding palajar lain.

RESPONDEN 4

NAMA GURU : D
Subjek : Pendidikan Agama Islam/Bahasa Arab
Jabatan : Sains Sosial

1) Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek yang cikgu ajar ini?

“..Pandangan saya berkaitan isu ini ialah perbezaan ciri pelajar lelaki ialah pelajar tidak serius di dalam kelas semasa waktu PNP di mana pelajar akan bersikap tidak tumpukan pelajaran sepenuhnya, dan kerap kali tidur semasa guru mengajar. Pelajar juga suka mengulangkaji pada saat-saat akhir menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan apabila di tanya dan semasa peperiksaan dijalankan. yang positifnya pelajar lelaki tidak malu bertanyakan berbagai persoalan yang mereka kurang faham . berbeza pula dengan pelajar perempuan di mana mereka lebih fokus dalam subjek yang saya ajarkan. mereka tidak bermain-main atau kelihatan mengantuk di dalam kelas bahkan mereka memberika sepenuh perhatian kepada apa yang mereka pelajari pada masa tersebut. Pelajar perempuan juga kuat mengulangkaji dan tidak mengamalkan sikap ulangkaji pada saat-saat akhir, namun mereka sedikit malu untuk bertanya soalan kepada guru.”

2) Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

“..Pada pandangan saya, faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek PAI ini adalah lebih kurang sama di mana terdapat beberapa faktor seperti usaha pelajar itu sendiri. pelajar yang kuat berusaha dan memberi fokus sepenuhnya lebih mudah berjaya dan menjawab peperiksaan dengan cemerlang manakala sebaliknya pula berlaku. jika pelajar malas, mereka akan gagal dalam peperiksaan tersebut. Sikap pelajar itu juga amat mempengaruhi. jika kita perhatikan pelajar yang berpersonaliti lebih baik biasanya mempunyai keputusan akademik lebih baik kerana mereka begitu prihatin dengan masa depan dan kurang terlibat dengan masalah disiplin di sekolah dan sentiasa menjaga mutu akademik masing-masing. Malah faktor utama yang saya perhatikan menjurus kepada kejayaan pelajar ialah apabila pelajar mengutamakan konsep ketuhanan, iaitu tawakkal kepada Allah. ini merupakan faktor penting di mana pelajar yang sangat menjaga ibadahnya dan berpegang teguh kepada

Allah serta selalu membuat kebaikan akan mendapat keputusan yang memberangsangkan berbanding pelajar lain.”

3) Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

“..Pada pandangan saya berkenaan isu ini, saya tidak merasakan perbezaan jantina akan mempengaruhi keputusan pencapaian pelajar baik lelaki mahupun perempuan. walaupun perempuan mempunyai sikap yang sangat positif di dalam kelas akademik namun jika dilihat kepada keputusan peperiksaan sebenar, keputusan pelajar kedua-dua jantina ini lebih kurang sama bahkan pelajar lelaki lebih ramai yang berjaya dan memperolehi keputusan yang cemerlang . keseimbangan wujud apabila pelajar memberi komitmen dalam pelajaran mereka walaupun berbeza kaedah belajar dan persekitaran belajar.”

4) Apakah cadangan cikgu bagi tujuan menambahbaik sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

“..Pada pendapat saya, pertama sekali ialah sistem pendidikan perlu dimantapkan selaras dengan prinsip falsafah pendidikan negara yang seimbang meliputi keperluan jasmani, emosi rohani intelek dan sosial. Apabila sistem pendidikan dimantapkan, pelbagai idea dan kaedah pengajaran baru dan kreatif boleh di jana dalam membantu mengatasi pelbagai masalah yang timbul dalam proses pembelajaran pelajar di sekolah. keduanya, setiap program dan pendekatan dan kaedah belajar perlu dilaksanakan dengan telus dan berhikmah agar selari dan memenuhi keperluan psikologi pelajar sendiri. pendekatan yang lebih drastik dan berhemah ini boleh membantu mengurangkan perbezaan dan jurang pencapaian pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan.”

Faktor Minat Pelajar

Menurut pandangan daripada responden 5 iaitu responden yang terakhir, beliau mengatakan bahawa antara faktor yang menjurus kepada pencapaian pelajar ialah faktor minat pelajar itu sendiri. Ini kerana, apabila seseorang pelajar itu minat dengan subjek tertentu, mereka akan sedaya upaya untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat skor yang terbaik dalam mata pelajaran terbabit. Untuk pelajar lelaki mereka kurang gemar dengan pelajar yang banyak memerlukan mereka untuk menghafal dan membaca. Berbanding dengan pelajar perempuan mereka lebih gemar menghafal dan membaca dan gemar menyiapkan kerja rumah yang guru berikan. Pelajar perempuan lebih menunjukkan minat ketika belajar, mereka suka bertanya guru apabila tidak faham berbanding pelajar lelaki yang jarang menyiapkan tugas yang diberikan. Pelajar lelaki tidak menunjukkan budaya belajar yang baik. Tindakan yang perlu diambil ialah dengan memupuk minat para pelajar, disamping memberi penekanan terhadap pentingnya ilmu agar mereka dapat mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka nanti.

RESPONDEN 5

NAMA GURU : E
Subjek : Biologi
Jabatan : Sains

1) Berdasarkan pengalaman cikgu dalam mengajar subjek ini, apakah perbezaan ciri-ciri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek yang cikgu ajar ini?

“..Berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang guru, beza di antara pelajar lelaki dan perempuan ialah pelajar lelaki kurang minat dalam subjek ini kerana banyak topik yang perlu dibaca dan dihafal. jika tidak mereka tidak mampu menjawab soalan peperiksaan dengan sebaiknya. kerja rumah pula tidak disiapkan kerana mereka perlu melukis dan mengolah ayat dan keterangan sesuatu soalan itu. pelajar lelaki juga sangat kurang berusaha untuk mendapat keputusan yang baik dan apabila berada di dalam kelas, mereka kurang bertanya dan tidak tahu apa yang ingin ditanyakan pada guru. Malah tumpuan juga tidak sebaik pelajar perempuan. berbeza dengan pelajar perempuan di mana mereka lebih berminat kerana subjek membaca dan menghafal dan kerja rumah yang diberikan dapat disiapkan dengan baik. Mereka juga banyak berusaha untuk berjaya seperti bertanya pada guru apabila tidak faham, dan lebih memberikan tumpuan dalam kelas.”

2) Boleh cikgu jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek ini melalui peperiksaan SPM 2013?

“..Pada hemat saya, pelajar perempuan menunjukkan minat dan semangat untuk Berjaya dengan lebih cemerlang berbanding dengan lelaki. mereka sangat berusaha dengan menyiapkan kerja rumah yang diberikan dan bertanya kepada guru apabila tidak faham. berbanding dengan pelajar lelaki, latihan yang

diberikan kerap kali tidak disiapkan, dan apabila disiapkan hanya dengan meniru pelajar lain dan tidak memahami apa yang mereka buat.”

3) Pada pendapat cikgu, adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar di MRSM Terendak, Melaka?

“..Pada pendapat saya, ya kerana pelajar lelaki tidak dapat membentuk budaya belajar yang cemerlang. mereka lebih tertumpu kepada pergaulan dan aktiviti yang tidak menjurus kepada matlamat hidup mereka. mereka kurang matang dan tidak nampak ke mana hala tuju hidup mereka. mereka hanya memikirkan keseronokan yang boleh didapati sekarang tanpa memikirkan kesan yang dibuatnya terhadap masa depan mereka. budaya pelajar cemerlang mesti dipupuk dan dibentuk kepada mereka.”

4) Apakah cadangan cikgu bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan supaya tidak wujud perbezaan jurang yang begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan?

“..Pada pandangan saya, pelajar lelaki perlu diingatkan lagi dan lagi tentang kepentingan belajar yang berkesan dan membentuk budaya cemerlang. pelajar perlu dipupuk dengan ketahanan azam yang jitu dan unggul agar menepati apa yang mereka inginkan dan untuk kebahagiaan di akhirat juga nanti. kefahaman agama yang unggul akan melahirkan insan yang cemerlang dan terbilang dalam akademik dan sahsiah.”

IMPLIKASI

Antara kesan yang dapat dilihat hasil dari perbezaan pencapaian akademik pelajar lelaki dengan perempuan ini ialah ia memberi impak kepada enrolmen pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan ia terbukti apabila jumlah kemasukan pelajar perempuan di IPTA seluruh negara secara umumnya melebihi 70 peratus kebelakangan ini. Prestasi akademik yang kurang memberangsangkan di peringkat persekolahan menafikan peluang pelajar lelaki melanjutkan pengajian ke IPTA, dan fenomena ini bakal memberi kesan negatif terhadap perkembangan sosioekonomi negara. Mereka juga terdedah kepada masalah sosial dan potensi mereka keluar daripada sistem persekolahan lebih awal daripada yang sepatutnya juga menjadi lebih tinggi. Senario ini memberikan cabaran kepada pendidik dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar lelaki di peringkat persekolahan. Dengan adanya faktor-faktor yang boleh mengurangkan jurang perbezaan pencapaian pelajar ini pihak yang bertanggungjawab perlu memberi tumpuan dan menjalankan kajian yang mendalam lagi agar perbezaan tersebut dapat dikurangkan dari masa ke semasa dengan alternatif-alternatif yang terbaik untuk jangka masa panjang.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kelemahan pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan adalah disebabkan oleh budaya belajar yang dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu teknik pengajaran guru, sokongan dan galakan ibu bapa / penjaga, hasrat dan semangat pelajar, kerjasama masyarakat setempat, kemiskinan keluarga dan masalah keluarga. Pada hakikatnya, pelajar lelaki mahupun perempuan perlu dan mesti mengubah sikap dan pemikiran mereka daripada pemikiran negatif, ambil mudah dan “ tidak apa ” kepada pemikiran yang lebih positif, bersungguh-sungguh dan berdaya saing, dan juga mempunyai jati diri yang tinggi dalam diri mereka. Untuk meningkatkan tahap pendidikan pelajar lelaki dan perempuan, strategi ke arah memperkukuhkan penguasaan kemahiran asas pembelajaran dan perubahan minda pelajar lelaki dan perempuan di semua sekolah menjadi agenda utama bagi semua pihak.

STRATEGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Strategi untuk menangani pencapaian pelajar lelaki dan perempuan memerlukan anjakan *world view* penggubal dasar dan masyarakat Melayu. Dalam merangka langkah bagi menangani kelemahan pelajar, pelbagai pendekatan perlu dilaksanakan. Antara langkah yang perlu dilaksanakan ialah celik belajar.

Celik belajar adalah kebolehan seseorang pelajar mengetahui bagaimana memperoleh dan memanfaatkan ilmu pengetahuan (*learn, unlearn, and relearn*). Kebolehan ini cuma boleh dikuasai jika seseorang pelajar itu memahami kepentingan pendidikan, mempunyai keinginan untuk menimba ilmu dan mempunyai sikap yang positif terhadap pencarian ilmu serta tahu bagaimana untuk belajar.

Celik belajar ini memerlukan strategi yang menggabungkan teori dan praktik, supaya guru dan pelajar dapat menyempurnakan proses pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar memerlukan pembelajaran yang merangkumi dunia yang luas daripada apa yang berlaku dalam bilik darjah dan guru perlu menjadikan pengalaman sebenar pelajar sebagai inti pati bagi setiap pelajaran. Selain itu, daya

konsentrasi di antara pelajar perempuan dan lelaki adalah berbeza. Menurut Zalizan (2001), daya konsentrasi pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Bagi mencapai celik belajar di kalangan pelajar lelaki, guru perlu lebih prihatin kepada mereka iaitu dengan menggunakan pendekatan mengajar yang lebih sesuai kepada “ *learning style of boys* ”.

Pelajar lelaki dan perempuan yang dalam kategori miskin paling ketandusan bimbingan dan cita-cita. Hidup mereka sentiasa berada dalam keadaan yang kekurangan dan dengan itu sukar untuk melihat peluang mereka keluar daripada serba kekurangan tersebut. Sifat cintakan ilmu dapat membuka minda seseorang. Contohnya, mencintai ilmu menyebabkan seorang buta, Abul Hasan at-Tamimi, memperoleh ilmu hanya melalui pendengaran sahaja sehingga menjadi ulama fiqh mazhab Shafi'e yang terkenal. Kejayaan dan ketinggian ilmu oleh beberapa tokoh Islam diberi contoh yang jelas oleh Wan Mohd. Nor (1988), dan memperlihatkan kecelikan minda para ilmuan bertitik tolak daripada sifat cintakan ilmu. Pelajar lelaki mahupun perempuan perlu mencontohi bagaimana para ilmuan awal menimba ilmu walaupun dalam suasana perang, kemiskinan dan kekurangan kemudahan, dan berpindah-randah. Perancangan dan pembangunan celik minda pelajar perlu mencontohi proses pendidikan.

Selain itu, peranan pelajar lelaki dan perempuan juga penting dalam meningkatkan tahap pendidikan mereka. Mereka perlu sedar peranan utama mereka sendiri dalam penguasaan ilmu pengetahuan untuk mencapai kecemerlangan akademik. Antaranya ialah :

- a) Pelajar perlu mengulang kaji sebelum pelajaran, konsentrasi semasa pelajaran, dan mengulang kaji selepas pelajaran.
- b) Pelajar perlu berperanan untuk menghampiri ibu bapa mereka dan cuba menarik perhatian ibu bapa mereka terhadap pelajaran mereka di sekolah. Ibu bapa yang sibuk memerlukan kesungguhan anak, sekolah dan masyarakat untuk mengejutkan mereka terhadap tanggungjawab mereka.
- c) Pelajar perlu mempunyai sifat malu untuk melakukan perkara negatif seperti malas, ponteng kelas/sekolah, tidak mementingkan masa, melakukan aktiviti yang “tidak berfaedah”, dan tidak menghormati guru.

Senarai Rujukan

- Dr. Faridah Abu Hassan, Dr. Naimah Ishak, Dr. Hamidah Yusof dan Dr. Habibah Abdul Rahim (2005). *Kemiskinan Dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia
- Hussein Hj. Ahmad (1993). *Pendidikan Dan Masyarakat : Antara Dasar, Reformasi Dan Wawasan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Kachar (1989). *Pendidikan Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd. & Penerbit ASAS Sdn.Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin Dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2004). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kayazano Enterprise.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rahmad Sukor Ab. Samad dan Shahrir Jamaluddin (2005). *Peranan Kepimpinan Guru Dalam Mempengaruhi Iklim Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Sheikh Othman Bin Sheikh Salim (1994). *Kamus Dewan Edisi Baru Cetakan Kelima*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- T. Subahan Mohd. Meerah, Rohaty Mohd Majzud dan Ahmad Jaffni Hassan (1994). *Pembangunan Sumber Manusia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zainura Bt Wan Yusof (2008). *Pengaruh Sistem Penasihatn Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.


Toh Kit Siang. 2008. Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Lelaki Dan Perempuan (atas talian) www.scribd.com/doc/12521518 (24 Mac 2014).

Noraini Idris. 2010. Penyelidikan dalam Pendidikan. McGraw Hill Malaysia.

Poh Bee Theen & Melissa Ng Lee Yen Abdullah. 2008. Kesan Faktor Jantina dan Gaya Kognitif ke Atas Pencapaian Pengajian Am. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jilid 23 : 123-140.

Mohd Zuri Ghani, Rahimi Che Aman, Nik Rosila Nik Yaacob dan Aznan Che Ahmad. 2008. Perbezaan Personaliti Ekstrovert dan Introvert dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Akademik (PCA) Berdasarkan Gender. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jilid 23 : 111-122.

Laporan Peperiksaan SPM 2013 MRSM Terendak Melaka.



THE
Character Building
UNIVERSITY